

Negara Malaysia **AHAD, 25 OKTOBER, 1981**

Ucap selamat Deepavali PM

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada rakyat Malaysia yang beragama Hindu.

Dalam perutusannya hari ini, Perdana Menteri berkata, masyarakat Malaysia yang lain turut bergembira walaupun Hari Deepavali disambut oleh mereka yang beragama Hindu sahaja.

"Ini membuktikan perpaduan dan persfahaman

erat yang sedia terjalin di kalangan rakyat negara ini," ujarnya.

Presiden MIC merangkap Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu juga mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu.

Belliau berkata, perayaan Deepavali yang bererti deretan lampu menandakan kemenangan mengatasi kejahatan boleh disamakan dengan kejayaan Kerajaan menghapus atau mengurangkan komunis, perkauman, buta huruf, pengangguran, inflasi dan kemiskinan.